

Ada orang cuba gagalkan sidang Pemuda Umno—Onn

KUALA LUMPUR, Isnin — Setiausaha Perhubungan Umno Selangor, Encik Onn Ismail berkata hari ini bahawa beberapa pemimpin dari Umno Bahagian Pelabuhan Kelang merancang untuk merendahkan keupayaannya.

Encik Onn berkata hasrat mereka itu jelas dilihat di mesyuarat perwakilan Cawangan Pemuda Umno Pelabuhan Kelang semalam apabila tiga daripada mereka gagal dalam percubaan mereka hendak menghentikan mesyuarat itu.

"Ketiga orang ini dengan sengaja membuat angka dengan harapan mesyuarat itu akan digantung dan memberi nama buruk kepada Cawangan Umno Pelabuhan Kelang dan saya," katanya. Walaupun beliau

enggan menamakan pemimpin yang bertanggungjawab itu namun pertikaian antara penyokong Encik Onn dengan penyokong kumpulan lain memang diketahui umum. Menurut Encik Onn, mesyuarat yang diada-

kan semalam berjalan dengan lancar bertepatan dengan perbuatan ketiga orang itu. Beliau menyalahkan ketiga orang itu sebagai punca keributan semalam dan menyababkannya terpaksa melepaskan tembakan amaran untuk meredakan mesyuarat itu.

Mereka mengganggu perjalanan mesyuarat itu walaupun sudah dinasihatkan oleh Pengerusi Tetap, Encik Abdul Razak Haji Shawal, supaya mematuhi peraturan perjalanan mesyuarat.

Apabila mereka enggan duduk waktu Ketua Pemuda Umno Pelabuhan Kelang, Encik Zakaria Mat Derus sedang berucap, keadaan menjadi kelam-kabut dan ketika inilah Encik Onn melepaskan tembakan amaran itu.

Selepas tembakan ini barulah ketiga orang itu meninggalkan mesyuarat.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Saidin Thamby ketika dihubungi kesal dengan kejadian kekecehan di mesyuarat Agung Pergerakan Pemuda Umno Cawangan Pelabuhan Kelang semalam.

Enggan

"Saya merasa dukacita perkara ini boleh berlaku kerana ibu pejabat Umno sudah mengeluarkan enam panduan kepada cawangan untuk mengadakan mesyuarat agungnya," jelasnya.

Oleh itu, ujar beliau, perkara ini tidak sepatutnya berlaku apatah lagi dalam saat-saat Umno membuat seruan supaya ahlinya bersatu-padu di seluruh negara.

Ketua Polis Selangor Datuk P. Alagendra hari ini mengesahkan pihaknya sedang menyiasat perkara itu.

Tetapi, beliau enggan mengulas lebih lanjut.

Orang ramai terutama ahli-ahli Umno yang hadir di mesyuarat itu terkejut dengan tindakan Encik Onn dan ingin tahu mengenai hak-hak menggunakan senjata.

Mengikut Seksyen 39 Akta Senjata 1960, tidak ada sesiapa yang boleh melepaskan sebarang tembakan dari senjata kecuali:

● Di sesuatu tempat yang digunakan sebagai lapang sasaran setelah permohonan secara bertulis diterima dari Ketua Polis Negeri;

● Bagi kegunaan mempertahankan nyawa atau harta benda;

● Jika dia dibenarkan di bawah sebarang perundangan bertulis yang bersabit dengan perlindungan kehidupan liar, untuk menembak, membunuh atau memburu binatang-binatang liar ataupun burung-burung di mana dia bertindak mengikut kebenaran tersebut, atau,

● Dia itu adalah anggota pasukan bersenjata, pegawai polis atau orang-orang lain yang menjalankan tugas-tugas kepolisan mengikut sebarang perundangan bertulis atau mengikut lunas-lunas tugasnya itu.

Mengikut pindaan terbaharu Akta Senjata (1960) dengan jelas pula menyatakan bahawa seseorang yang melepaskan tembakan dari senjata yang sah tanpa sebarang alasan yang munasabah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun ataupun denda maksimum sebanyak \$5,000.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia